

SEKSYEN 1:

PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL

- Perspektif Keseluruhan
 - Memperkukuh Institusi Fiskal
 - Rencana – Undang-undang Tanggungjawab Fiskal
- Kedudukan Fiskal 2019
- Tinjauan 2020
- Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2020 – 2022
- Kesimpulan

SEKSYEN 1: PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL

Perspektif Keseluruhan

Dasar fiskal memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan makroekonomi dan kekukuhan kewangan awam. Pelaksanaan dasar fiskal yang efektif melalui pelarasan perbelanjaan awam dan langkah percukaian dijangka mampu mengekalkan momentum pertumbuhan dan meningkatkan potensi output ekonomi serta mengukuhkan kewangan Kerajaan. Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka yang terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran luar seperti kelemahan ekonomi dan perdagangan global, ketegangan geopolitik serta ketidakstabilan harga komoditi dan pasaran kewangan. Situasi tersebut terus menjadi cabaran utama dalam menguruskan ekonomi negara dan kewangan awam. Justeru, penggubalan dasar fiskal yang berkesan amat penting untuk memastikan ekonomi berdaya tahan dan berupaya menyediakan langkah kitaran balas dalam menangani kejutan luaran dengan objektif keseluruhan untuk memastikan agenda pembangunan negara tercapai.

Kerajaan sentiasa konsisten memperkenalkan langkah dan inisiatif fiskal bagi mengukuhkan kewangan awam, mempelbagaikan sumber ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Pendirian fiskal Kerajaan dalam menyokong usaha konsolidasi fiskal bersandarkan kepada dua tonggak utama iaitu meningkatkan asas hasil dan memastikan perbelanjaan awam ke atas program dan projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi kepada ekonomi. Dasar fiskal yang menyokong pertumbuhan ini bertujuan untuk menggalakkan pelaburan, meningkatkan daya saing dan inklusiviti serta menambah baik infrastruktur awam. Melalui dasar fiskal yang lebih berhemat dan berdisiplin, Kerajaan akan memastikan agenda sosioekonomi kekal menjadi keutamaan dalam memacu negara ke arah merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Memperkukuh Institusi Fiskal

Kerajaan terus komited untuk melaksanakan pembaharuan institusi terutamanya berkaitan kewangan awam dan tadbir urus. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet di bawah Parlimen merupakan antara langkah signifikan dalam usaha mengukuhkan institusi fiskal. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk meneliti dan memantau urusan berkaitan belanjawan Persekutuan. Jawatankuasa ini telah membentangkan laporan berkenaan kedudukan hutang dan liabiliti kepada Parlimen pada

**Jadual 1.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan
2018 – 2020**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)		
	2018	2019 ²	2020 ⁵	2018	2019 ²	2020 ⁵	2018	2019 ²	2020 ⁵
Hasil	232,882	263,300 ³	244,530	5.7	13.1	-7.1	16.1	17.4	15.2
Perbelanjaan mengurus	230,960	262,260 ⁴	241,020	6.1	13.6	-8.1	16.0	17.3	14.9
Baki semasa	1,922	1,040	3,510				0.1	0.1	0.3
Perbelanjaan pembangunan kasar	56,095	53,700	56,000	25.0	-4.3	4.3	3.9	3.5	3.5
Tolak: Terimaan balik pinjaman	788	900	766	-57.5	14.2	-14.9	0.1	0.0	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	55,307	52,800	55,234	28.5	-4.5	4.6	3.8	3.5	3.5
Baki keseluruhan	-53,385	-51,760	-51,724				-3.7	-3.4	-3.2
Baki primer¹	-22,838	-18,760	-16,779				-1.6	-1.2	-1.0

¹ Tidak termasuk bayaran khidmat hutang.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran hasil termasuk dividen khas PETRONAS secara *one-off* sebanyak RM30 bilion.

⁴ Anggaran perbelanjaan mengurus termasuk peruntukan secara *one-off* bagi tunggakan bayaran balik cukai sebanyak RM37 bilion.

⁵ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2020.

Julai 2019 yang menggariskan lapan cadangan bagi menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Antara cadangan tersebut termasuk melaporkan hutang dan liabiliti terkini kepada Parlimen secara berkala; menilai kemampuan jaminan kerajaan (GG) dan kebarangkalian menetapkan had GG; melaksanakan analisis perbandingan hutang Kerajaan dengan negara setara; mengkaji semula pelaporan Kerjasama Awam Swasta dan Inisiatif Pembiayaan Swasta; serta memperkenalkan kod khusus bagi bayaran komitmen kewangan yang lain dalam dokumen belanjawan tahunan. Inisiatif ini dijangka terus menambah baik akauntabiliti dan ketelusan dalam menguruskan hutang dan liabiliti Kerajaan.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Hutang (JPH) pada Mei 2019 bagi memastikan pengurusan hutang yang lebih berhemat serta mengurangkan hutang dan liabiliti kepada paras terkawal. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk merangka strategi dan rangka kerja pengurusan hutang jangka masa sederhana dan panjang serta mengesyorkan hala tuju dasar bagi menangani risiko berkaitan kedudukan fiskal dan hutang. Di samping itu, JPH juga ditugaskan untuk membantu pelaksanaan amalan terbaik mengenai pengurusan hutang yang telus dan mampan.

Kerajaan akan terus berpegang teguh kepada prinsip asas yang telah ditetapkan dalam pengurusan fiskal bagi menyokong haluan konsolidasi fiskal ke arah belanjawan berimbang.

Prinsip utama bertujuan untuk mengekalkan lebih operasi iaitu perbelanjaan mengurus (OE) dibiayai sepenuhnya melalui kutipan hasil manakala pinjaman hanya untuk perbelanjaan pembangunan (DE). Selain itu, Kerajaan akan mematuhi had hutang yang ditetapkan tidak melebihi 55% daripada KDNK dan memastikan bayaran khidmat hutang tidak melebihi 15% daripada hasil. Peranan Jawatankuasa Dasar Fiskal juga sangat penting dalam menggubal serta memandu pelaksanaan prinsip fiskal dan inisiatif pembaharuan. Prinsip tersebut akan diinstitusikan melalui pengenalan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) pada 2021 seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019.

Dalam hal ini, penggubalan FRA mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memulihkan disiplin fiskal dan ketelusan walaupun berhadapan dengan cabaran persekitaran luaran. Inisiatif ini penting bagi mengukuhkan kewangan Kerajaan dan memastikan kemampuan fiskal jangka masa panjang. Kerajaan juga sedang menggubal Akta Perolehan Kerajaan untuk mengukuhkan tadbir urus dalam perolehan awam ke arah mencapai nilai faedah terbaik, menambah baik kecekapan perbelanjaan dan meningkatkan ketelusan. Akta ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada 2020. Justeru, pelaksanaan inisiatif pembaharuan fiskal akan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dan menyediakan ruang fiskal yang fleksibel serta meningkatkan akauntabiliti dan menerapkan amalan terbaik dalam pengurusan kewangan awam.

Rencana

Undang-undang Tanggungjawab Fiskal

Pengenalan

Kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif pembaharuan untuk mengukuhkan pentadbiran fiskal dalam Belanjawan 2019. Pengenalan Akta Tanggungjawab Fiskal yang merupakan antara inisiatif tersebut akan dibentangkan di Parlimen pada 2021. Pengenalan Akta ini menyokong komitmen Kerajaan untuk mengukuhkan kewangan awam melalui peningkatan disiplin fiskal, keberkesanan perbelanjaan dan ketelusan.

Undang-undang Tanggungjawab Fiskal (FRL) merupakan dokumen perundangan yang merangkumi standard, peraturan dan prosedur berkaitan pengurusan fiskal dan belanjawan. Undang-undang ini bertujuan mengukuhkan kewangan awam bagi memastikan kemampuan fiskal jangka masa sederhana dan panjang. Pelaksanaan FRL yang berkesan menyumbang kepada kestabilan fiskal, ketelusan, akauntabiliti dan proses belanjawan yang teratur. Objektif tersebut boleh dicapai melalui pembangunan rangka kerja peraturan fiskal yang baik berfokuskan kepada prinsip, prosedur, peraturan fiskal atau mana-mana kombinasi berdasarkan keperluan sesebuah negara.

Peraturan Fiskal

Kandungan FRL meliputi peraturan fiskal yang menjadi panduan dalam pentadbiran dasar fiskal melalui penetapan sasaran atau had tertentu ke atas agregat belanjawan. Secara umumnya, terdapat empat jenis peraturan fiskal utama iaitu baki belanjawan, hutang, perbelanjaan dan hasil untuk kerajaan persekutuan atau negeri. Peraturan ke atas baki belanjawan atau baki belanjawan struktural mengehendkan saiz defisit seterusnya mengawal peningkatan nisbah hutang. Sementara itu, peraturan berkaitan hutang menetapkan had jelas ke atas jumlah hutang awam berbanding KDNK. Peraturan berkaitan perbelanjaan pula menetapkan had ke atas perbelanjaan keseluruhan, perbelanjaan primer atau perbelanjaan operasi dari segi kadar pertumbuhan atau nisbah kepada KDNK. Peraturan berkaitan hasil menetapkan had ke atas hasil bagi memastikan kemampuan kutipan hasil dan mencukupi untuk membiayai perbelanjaan. Peraturan fiskal yang tunggal tidak memadai bagi menangani isu berkaitan kemampuan fiskal. Sehubungan itu, gabungan lebih daripada satu peraturan yang fleksibel merupakan pilihan yang tepat dalam membangunkan rangka kerja fiskal yang baik. Tambahan pula, setiap peraturan fiskal mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri.

Jadual 1: Kekuatan dan Kelemahan bagi Setiap Peraturan Fiskal

Jenis Peraturan	Kekuatan	Kelemahan
Baki belanjawan	▪ Panduan operasi yang jelas ▪ Berkait rapat dengan kemampuan hutang ▪ Mudah diperjelas dan dipantau	▪ Tiada ciri penstabilan ekonomi (boleh menjadi pro-kitaran) ▪ Baki belanjawan boleh terjejas berikutan perkembangan yang berlaku di luar kawalan kerajaan (sebagai contoh kemelesetan ekonomi)
Baki belanjawan struktural	▪ Secara relatifnya merupakan panduan operasi yang jelas ▪ Berkait rapat dengan kemampuan hutang ▪ Fungsi penstabilan ekonomi (sebagai contoh mengambil kira kejutan ekonomi) ▪ Mengambil kira faktor <i>one-off</i> atau faktor sementara	▪ Langkah pembetulan untuk kitaran adalah rumit terutamanya bagi negara yang mengalami perubahan struktural ▪ Perlu mengenal pasti terlebih dahulu faktor <i>one-off</i> dan faktor sementara bagi mengelakkan disalah guna ▪ Bersifat kompleks menyebabkan peraturan ini sukar diperjelas dan dipantau
Hutang	▪ Mempunyai kaitan langsung dengan kemampuan hutang ▪ Mudah diperjelas dan dipantau	▪ Tiada panduan operasi yang jelas dalam jangka masa pendek kerana kesan dasar terhadap nisbah hutang tidak berlaku serta-merta dan tidak terhad ▪ Tiada ciri penstabilan ekonomi (boleh menjadi pro-kitaran) ▪ Peraturan boleh dipenuhi melalui langkah sementara (sebagai contoh transaksi di luar belanjawan) ▪ Hutang boleh terjejas berikutan perkembangan yang berlaku di luar kawalan kerajaan

(sambungan)

Jadual 1: Kekuatan dan Kelemahan bagi Setiap Peraturan Fiskal(sambungan)

Jenis Peraturan	Kekuatan	Kelemahan
Perbelanjaan	▪ Panduan operasi yang jelas ▪ Boleh digunakan untuk menstabilkan ekonomi ▪ Menentukan saiz sumber kerajaan ▪ Mudah diperjelas dan dipantau	▪ Tidak berkait secara langsung dengan kemampuan hutang kerana tiada penetapan peraturan mengaitkan perbelanjaan dengan hasil ▪ Boleh menyebabkan perubahan yang tidak sepatutnya dalam pengagihan perbelanjaan melalui pindahan kepada kategori perbelanjaan yang tidak dikawal oleh peraturan bagi memenuhi had perbelanjaan
Hasil	▪ Menentukan saiz sumber kerajaan ▪ Boleh menambah baik dasar dan pentadbiran hasil ▪ Boleh menghalang perbelanjaan pro-kitaran (peraturan yang menghalang penggunaan hasil luar biasa)	▪ Tidak berkait secara langsung dengan kemampuan hutang kerana tiada penetapan peraturan mengaitkan hasil dengan perbelanjaan (kecuali peraturan yang menghalang penggunaan hasil luar biasa) ▪ Tiada ciri penstabilan ekonomi (boleh menjadi pro-kitaran)

Sumber: Fiscal Rules in Response to the Crisis-Toward the "Next-Generation" Rules. A New Dataset, Tabung Kewangan Antarabangsa.

Komponen FRL

Dalam penggubalan FRL, kerajaan boleh mempertimbangkan pelbagai komponen utama dan opsyenal untuk dijadikan undang-undang. Strategi dasar fiskal jangka sederhana merupakan antara komponen utama FRL yang menyediakan panduan fiskal, unjuran dan inisiatif dasar utama yang kebiasaannya untuk tempoh tiga tahun. Di samping itu, strategi dasar belanjawan tahunan merupakan satu lagi komponen utama FRL yang melengkapi objektif fiskal jangka masa sederhana. Komponen utama lain termasuk penerbitan laporan secara berkala mengenai prestasi dasar fiskal dan penyata kewangan diaudit bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat.

Terdapat beberapa komponen opsyenal yang boleh dijadikan undang-undang bagi meningkatkan lagi kredibiliti dan ketelusan pengurusan dasar fiskal. Dalam hal ini, Kerajaan mungkin perlu mengukur impak langkah perbelanjaan atau hasil baharu berbanding dasar sedia ada dan memberikan justifikasi untuk menyokong sasaran fiskal yang diinginkan. Di samping itu, risiko fiskal termasuk tanggungan luar jangka merupakan komponen opsyenal yang popular. Tanggungan luar jangka mungkin berlaku dan menyebabkan kedudukan fiskal tersasar daripada pelan asal. Komponen opsyenal lain termasuk pelaporan perbelanjaan cukai, peraturan fiskal, analisis kemampuan hutang serta pelbagai unjuran senario jangka masa panjang lain seperti perbelanjaan pencen dan kesihatan.

Jadual 2: Komponen FRL

Utama	Opsyenal
▪ Haluan jangka masa sederhana ▪ Strategi dasar belanjawan tahunan ▪ Laporan berkala ▪ Laporan kewangan yang diaudit	▪ Dasar baharu berbanding sedia ada ▪ Peraturan fiskal ▪ Analisis kemampuan hutang ▪ Risiko fiskal termasuk liabiliti luar jangka ▪ Perbelanjaan cukai ▪ Pelbagai unjuran senario jangka masa panjang

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Pengalaman Negara Lain

Kebanyakan negara maju dan membangun telah mengguna pakai FRL bagi mengukuhkan institusi fiskal serta menggalakkan pengurusan fiskal yang lebih bertanggungjawab dan telus. Peraturan dan prinsip FRL dimasukkan dalam perlembagaan, undang-undang sistem belanjawan dan perjanjian antarabangsa atau digubal secara berasingan sebagai panduan pentadbiran kewangan awam. Negara seperti Chile, Ireland, New Zealand dan Thailand menjadikan FRL sebagai undang-undang berasingan kerana beberapa kelebihan antaranya merangkumi pelbagai lapisan kerajaan, menumpukan pada proses fiskal berbanding proses belanjawan dan meningkatkan komitmen politik bagi pembaharuan fiskal.

Jadual 3: Ciri-ciri Utama FRL bagi Beberapa Negara Terpilih

New Zealand (Fiscal Responsibility Act, 1994)	Chile (Fiscal Responsibility Law, 2006)
▪ Peraturan fiskal: Lebih semasa ▪ Memfokuskan kepada kemampuan fiskal dan paras hutang yang berhemat ▪ Mengekalkan paras nilai bersih ▪ Kerajaan dikehendaki menetapkan sasaran fiskal khusus untuk jangka masa sederhana ▪ Menambah baik laporan risiko fiskal ▪ Akta ini telah dimansuh dan dimasukkan dalam <i>Public Finance Act, Part 2</i> pada 2013	▪ Peraturan fiskal: Baki struktural ▪ Penubuhan jawatankuasa bebas dan majlis fiskal ▪ Penubuhan dana pencen serta dana penstabilan ekonomi dan sosial ▪ Menambah baik laporan risiko fiskal dan liabiliti luar jangka

(sambungan)

Jadual 3: Ciri-ciri Utama FRL bagi Beberapa Negara Terpilih (sambungan)

Ireland (Fiscal Responsibility Act, 2012)	Thailand (Fiscal Responsibility Act, 2018)
▪ Peraturan fiskal: Baki belanjawan umum ▪ Memperkenalkan peraturan hutang ▪ Konsisten dengan perjanjian <i>Stability and Growth Pact</i> di bawah EU ▪ Menetapkan objektif belanjawan jangka masa sederhana ▪ Menubuhkan majlis penasihat fiskal ▪ Menambah baik laporan fiskal dan penilaian terhadap dasar dan prestasi fiskal	▪ Peraturan fiskal: Peraturan perbelanjaan ▪ Memperkenalkan peraturan hutang ▪ Menetapkan sasaran pelaburan awam ▪ Menetapkan had dana luar jangka dan bayaran balik hutang ▪ Memerlukan rangka kerja fiskal jangka masa sederhana ▪ Menubuhkan <i>National Fiscal Policy Board</i> ▪ Menambah baik laporan risiko fiskal

Sumber: Government of Ireland, New Zealand Institute of Economic Research, UNESCAP dan Inter-American Development Bank.

Kesimpulan

Beberapa kerajaan telah mengguna pakai undang-undang tanggungjawab fiskal untuk meningkatkan pengurusan dasar fiskal, akauntabiliti dan ketelusan. Penggubalan FRL yang baik seharusnya mempunyai peraturan yang fleksibel, mudah, telus dan teratur. Peraturan fiskal perlu dipantau dan dilaporkan secara berkala agar tidak tersasar daripada dasar fiskal. Di samping itu, komitmen politik yang padu dapat memastikan kelancaran pelaksanaan FRL terutamanya dalam persekitaran ekonomi global yang dinamik.

Rujukan

- Government of Ireland. Fiscal Responsibility Act 2012. Dicapai pada 5 Ogos 2019 daripada <http://www.irishstatutebook.ie>.
- IMF (2018). How to Select Fiscal Rules: A Primer, How to Notes, International Monetary Fund.
- Lienert, I. 2010. Should Advanced Countries Adopt a Fiscal Responsibility Law?, IMF Working Paper, International Monetary Fund.
- Marcel, M. (2013). Inter-American Development Bank (Discussion Paper No. IDB-DP-289). Dicapai pada 5 Ogos 2019 daripada <https://publications.iadb.org>.
- New Zealand Institute of Economic Research. (2018). The Fiscal Responsibility Act 1994. Dicapai pada 5 Ogos 2018 daripada <https://nzier.org.nz>.
- Schaechter A., Kinda T., Budina N., & Weber A., (2012). Fiscal Rules in Response to the Crisis—Toward the “Next-Generation” Rules. A New Dataset, IMF Working Paper, International Monetary Fund.
- Victor, L., Yoon, S., Fang X., Mbaye S., & Kim Y., (2017). Fiscal Rules at a Glance, IMF Background paper, International Monetary Fund.
- Wongchaiwat, P. Fiscal Rules and Fiscal Responsibility Laws in case of Thailand. Dicapai pada 5 Ogos 2019 daripada <https://www.unescap.org>.

Kedudukan Fiskal 2019

Prestasi kutipan hasil pada 2019 dijangka kekal menggalakkan walaupun berhadapan dengan cabaran ekonomi global. Jumlah hasil disemak dijangka meningkat RM1.5 bilion kepada RM263.3 bilion bersamaan 17.4% daripada KDNK berbanding anggaran asal. Hasil cukai dijangka bertambah 3.4% kepada RM180 bilion atau 11.9% daripada KDNK disumbangkan oleh kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang lebih tinggi manakala hasil bukan cukai diunjur RM83.3 bilion atau 5.5% daripada KDNK.

Jumlah perbelanjaan dijangka meningkat RM1.4 bilion kepada RM316 bilion atau 20.8% daripada KDNK berbanding anggaran asal. Peruntukan OE dijangka meningkat RM2.4 bilion kepada RM262.3 bilion bersamaan 17.3% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh peningkatan keperluan subsidi minyak berikutan penjadualan semula pelaksanaan program subsidi minyak bersasar. Walau bagaimanapun, DE dijangka berkurang kepada RM53.7 bilion berikutan semakan semula beberapa projek dan penyusunan semula tempoh masa pelaksanaan projek. Peningkatan perbelanjaan dijangka tidak menjejaskan sasaran defisit fiskal kerana diimbangi oleh unjuran hasil lebih tinggi. Secara keseluruhan, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka kekal 3.4% daripada KDNK seperti sasaran asal dalam Belanjawan 2019. Selain itu, baki primer iaitu baki keseluruhan setelah ditolak bayaran khidmat hutang dijangka merekodkan defisit lebih rendah kepada 1.2% daripada KDNK (2018: -1.6%).

Tinjauan 2020

Dasar fiskal akan terus memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan, peningkatan hasil dan perbelanjaan berhemat. Kerajaan akan meneruskan pembaharuan institusi fiskal terutamanya inisiatif pembaharuan cukai untuk menambah baik pentadbiran cukai, mengukuhkan pengauditan dan penyiasatan serta mengecilkan jurang cukai. Di samping itu, Kerajaan akan terus melaksanakan belanjawan berasaskan sifar dalam pengurusan

perbelanjaan bagi memastikan perbelanjaan yang cekap dan berkesan serta menyusun semula keutamaan program dengan memberi tumpuan kepada projek yang mempunyai impak pengganda tinggi. Usaha juga akan terus dipergiat bagi menyediakan pelaporan yang lebih komprehensif mengenai kedudukan aset dan liabiliti.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat RM244.5 bilion atau 15.2% daripada KDNK pada 2020. Kutipan hasil cukai adalah lebih tinggi iaitu RM189.9 bilion manakala hasil bukan cukai RM54.6 bilion. Jumlah perbelanjaan diunjur RM297 bilion atau 18.4% daripada KDNK dengan OE sebanyak RM241 bilion dan DE berjumlah RM56 bilion. Kerajaan komited meneruskan usaha konsolidasi fiskal bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara sementara dasar fiskal terus menyokong pertumbuhan dan mengekalkan daya tahan ekonomi.

Sasaran defisit fiskal pada 2020 dijangka meningkat sedikit kepada 3.2% daripada KDNK berbanding sasaran asal 3% seperti diumumkan dalam Belanjawan 2019 namun masih kekal pada landasan konsolidasi fiskal. Peningkatan ini disebabkan oleh keputusan strategik Kerajaan bagi mengukuhkan aktiviti ekonomi domestik sebagai langkah segera untuk menyokong dan mengekalkan momentum pertumbuhan berikutan unjuran pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperuntukkan suntikan tambahan iaitu 0.2% daripada KDNK menerusi DE untuk merencanakan semula pelaburan awam melalui pembentukan modal bagi mengukuhkan potensi ekonomi jangka masa panjang. Peruntukan ini akan digunakan untuk mempercepat pelaksanaan projek terutamanya projek pengangkutan dan perhubungan berimpak tinggi seperti pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Projek, Transit Aliran Massa Laluan 2 serta Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru. Projek pembangunan berskala kecil juga akan dilaksanakan seperti menaik taraf sekolah daif, klinik, loji rawatan air dan pembedungan serta kemudahan infrastruktur jalur lebar di pinggir bandar. Projek tersebut dijangka mempunyai kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi ke arah mencapai pembangunan inklusif.

Di samping itu, peruntukan juga disediakan bagi pelaksanaan pelan rasionalisasi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Tabung Haji serta komitmen bayaran khidmat hutang yang lebih tinggi untuk SRC International Sdn. Bhd. Kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada program yang mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menjana pendapatan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Setelah mengambil kira langkah segera ini, defisit keseluruhan pada 2020 dijangka lebih rendah iaitu 3.2% daripada KDNK (2019: -3.4%) dengan konsolidasi fiskal kekal pada trajektori dan kedudukan hutang pada paras yang terkawal.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2020 – 2022

Kerajaan telah mengguna pakai Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) sebagai alat perancangan fiskal jangka masa sederhana. Rangka kerja ini menyediakan unjuran makro fiskal untuk tempoh tiga tahun dengan menetapkan sasaran dan siling untuk hasil, perbelanjaan serta defisit keseluruhan. Unjuran ini akan disemak setiap tahun secara *rolling basis* dengan mengambil kira unjuran jangka sederhana terkini hasil dan perbelanjaan serta andaian makroekonomi. Penggunaan MTFF penting untuk memastikan konsolidasi fiskal kekal pada landasan dengan meningkatkan disiplin fiskal, mengoptimumkan pengagihan sumber serta menentukan unjuran dan hala tuju belanjawan.

Unjuran MTFF 2019-2021 telah disemak berdasarkan andaian makroekonomi terkini selepas mengambil kira persekitaran global semasa dan harga minyak mentah yang lebih rendah. Dalam hal ini, MTFF bagi tempoh 2020-2022 diunjur berdasarkan kepada andaian pertumbuhan KDNK sebenar dalam lingkungan 4.5% hingga 5% (pertumbuhan KDNK nominal: 5.5%-6%), harga minyak mentah antara USD60 hingga USD65 setong dan pengeluaran minyak mentah sebanyak 600,000 tong sehari. Andaian ini memberikan anggaran hasil yang konservatif untuk disesuaikan dengan peruntukan perbelanjaan berhemat sepanjang tahun belanjawan.

Unjuran MTFF 2020-2022 yang dirangka berasaskan dasar percukaian semasa menyasarkan jumlah hasil sebanyak RM764.9 bilion atau 15% daripada KDNK. Hasil bukan petroleum yang terus menjadi sumber pendapatan utama dijangka menyumbang RM615.7 bilion atau 12.1% daripada KDNK. Di samping itu, hasil berkaitan petroleum diunjur RM149.2 bilion atau 2.9% daripada KDNK. Kerajaan akan meneruskan usaha bagi meningkatkan kutipan hasil melalui inisiatif untuk meluaskan asas cukai, mengurangkan ketirisan dan meneroka sumber hasil baharu.

Dari segi perbelanjaan, jumlah siling indikatif dianggar RM910.4 bilion atau 17.8% daripada KDNK bagi tempoh 2020-2022. Peruntukan OE berjumlah RM751.4 bilion atau 14.7% daripada KDNK manakala DE sebanyak RM159 bilion atau 3.1% daripada KDNK. Jumlah siling indikatif menyediakan nilai ambang kepada kementerian dan agensi untuk meningkatkan kecekapan proses perancangan belanjawan di peringkat program dan aktiviti. Siling perbelanjaan yang berdasarkan sumber dan

Jadual 1.2. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2020 – 2022

	2020 – 2022	
	RM bilion	Bahagian kepada KDNK (%)
Hasil	764.9	15.0
Bukan petroleum	615.7	12.1
Berkaitan petroleum	149.2	2.9
Perbelanjaan mengurus	751.4	14.7
Baki semasa	13.5	0.3
Perbelanjaan pembangunan kasar	159.0	3.1
Tolak: terimaan balik pinjaman	1.8	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	157.2	3.1
Baki keseluruhan	-143.7	-2.8
Baki primer	-31.9	-0.6
Asas andaian:		
Pertumbuhan KDNK benar (%)	4.5 - 5.0	
Pertumbuhan KDNK nominal (%)	5.5 - 6.0	
Harga minyak mentah (USD setong)	60 - 65	
Pengeluaran minyak (tong sehari)	600,000	


Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah belanjawan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

keupayaan berbelanja akan memastikan pengurusan fiskal yang lebih berhemat dan cekap. Siling perbelanjaan ini akan menjadi mekanisma kawalan utama bagi memastikan konsolidasi fiskal jangka masa sederhana kekal pada landasan seterusnya mengukuhkan kewangan Kerajaan. Sehubungan itu, defisit fiskal disasarkan pada purata 2.8% daripada KDNK bagi tempoh tiga tahun. Defisit yang lebih rendah akan memberikan lebih fleksibiliti dan kapasiti kepada Kerajaan untuk mewujudkan ruang fiskal serta bertindak balas kepada sebarang ketidaktentuan sekiranya berlaku krisis ekonomi.


Kesimpulan

Kerajaan akan terus mengukuhkan kedudukan kewangan meskipun berhadapan dengan cabaran luaran terutamanya ketegangan perdagangan dan volatiliti harga komoditi. Inisiatif pembaharuan fiskal akan terus meningkatkan lagi akauntabiliti dan ketelusan Kerajaan serta menyumbang kepada kemampanan fiskal. Defisit fiskal dijangka berkurang kepada 3.2% daripada KDNK pada 2020 dan terus berkurang kepada purata 2.8% dalam tempoh jangka masa sederhana, manakala baki primer dianggar lebih rendah pada 1% daripada KDNK dan purata 0.6%.


Rajah 1.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan



Rajah 1.2. Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan



Rajah 1.3. Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan



Nota: 2019: Anggaran disemak.

2020: Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2020.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.